

Makna Air Dalam Naskhah Drama “Istiqamah” Karya

Ismail Kassan

Meaning of Water In The Text of “Istiqamah”

by Ismail Kassan

Nasir Razali

nasirinarsih@gmail.com

Institut Peradaban Melayu

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Azhar Wahid

azhar@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Received: 5 April 2024; Published: 30 June 2024

Cite this article (APA) as:

Razali, N., & Wahid, A. (2024). Makna Air Dalam Naskhah Drama “Istiqamah” Karya Ismail Kassan. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(1), 53 - 68. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/187>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menemukan makna air dalam naskhah drama “Istiqamah” karya Ismail Kassan. Bagi menemukan makna air dalam naskhah drama yang dikenal pasti beraliran absurd itu, kajian ini mengaplikasikan Konsep Naskhah Drama Absurd Melayu yang diasaskan daripada Teori Estetika Bersepadu oleh Abdul Halim Ali (2010) tertumpu kepada Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan. Konsep Naskhah Absurd Melayu diaplikasikan terhadap teks dikaji kerana mengemukakan dua idea teras, iaitu kesepaduan unsur dalaman (idea dan pemikiran) dengan unsur lahiriah teks (struktur teks). Kedua-dua unsur ini menzahirkan stail, iaitu perkaitan stail (kesepaduan unsur dalaman) dengan kebenaran terhadap agama dan realiti kehidupan. Hasil kajian mendapati makna air dalam “Istiqamah” adalah; (1) Air anugerah Allah SWT kepada seluruh makhluk-Nya. (2) Air Zam-Zam sebagai air istimewa daripada Allah SWT. (3) Allah SWT melarang manusia menyalahgunakan air. (4) tidak semua air boleh diminum Manusia. Keempat-empat dapatan analisis “Istiqamah” telah mengungkap idealisme pengarang yang memaknakan air sebagai falsafah kepada keperluan dan pembersihan untuk manusia. Jelas, dengan mengaplikasikan pendekatan Konsep Naskhah Absurd Melayu, ia memberi implikasi untuk memahami sesebuah naskhah drama absurd secara berstruktur, sistematik dan berkesan.

Kata kunci: Air, Naskhah drama absurd Melayu, Teori Estetika Bersepadu, Idealisme, Keadaman Teks Kesusasteraan

ABSTRACT

This study aims to analyze and find the meaning of water in the script of the play "Istiqamah" by Ismail Kassan. In order to find the meaning of water in the text which is identified as having an absurd flow, this study applies the Concept of Malay Absurd Drama Play which is based on the theory of Integrated Aesthetics by Abdul Halim Ali (2010) which focused on the Characteristics of 'Keadaman' in literary text. The Concept of Malay Absurd Play is applied to the text studied because it presents two core ideas, namely the integration of internal elements (ideas and thoughts) with the external elements of the text (text structure). Both of these elements showcased the relationship of style (the unity of the internal element) between

the truth of religion and the reality of life. The results of the study found that the meaning of water in "Istiqamah" is; (1) Water is a gift from Allah SWT to all His creatures. (2) Zam-Zam water as a special water from Allah SWT. (3) Allah SWT forbids humans to misuse water. (4) Not all water is drinkable for humans. The four findings of the analysis of "Istiqamah" have revealed the idealism of the author who interprets water as a philosophy for human needs and purification. Clearly, by applying the concept of Malay Absurd Play, it gives implications for understanding an absurd play in a structured, systematic and effective way.

Keywords: Water, Malay Absurd Text Drama, Theory of Estetika Bersepadu, Keadaman of Literary Text

PENGENALAN

Naskhah drama merupakan karya kesusasteraan yang merujuk kepada aspek penskripan. Hal ini kerana dalam sesebuah naskhah drama, ia mengandungi komponen-berupa arahan pentas, latar pentas, watak, dialog dan plot. Kesemua komponen ini berfungsi sebagai pembentukan naratif. Oleh demikian, naratif dalam sesebuah naskhah drama terhasil dari pencernaan idea pengarang itu secara tidak langsung dapat memunculkan sesuatu pesanan berkaitan dengan idealismenya. Idealisme dalam naskhah drama seperti dijelaskan oleh Emzir dan Andri (2018), iaitu “merupakan ungkapan pengarang terhadap kehidupan dan peristiwa yang terjadi dalam masyarakat.” Oleh itu, ia bertujuan memperlihatkan senario yang terjadi dalam ruang kehidupan masyarakat dan keadaan sekeliling pengarang itu sendiri. Seperti dijelaskan Damono (1984), iaitu “karya sastera menampilkan gambaran kehidupan, dan kehidupan itu sendiri adalah suatu kenyataan sosial.” Sehubungan itu, melalui naskhah drama, ia membuktikan karya sastera dapat mengembangkan kehidupan, dan kebudayaan masyarakat melalui idealisme pengarang daripada karya ciptaannya. Menurut Nasution (2008), iaitu “apa yang disampaikan pengarang itu membuat pembaca dapat mengambil kesimpulan, dan menginterpretasikannya sebagai sesuatu yang berguna bagi perkembangan hidupnya.” Oleh demikian, idealisme pengarang terutamanya dalam sesebuah naskhah drama dikenal pasti sebagai pesanan bermakna berunsurkan sosiobudaya, cara hidup, selain pegangan agama pengarang itu sendiri. Melalui sesebuah naskhah drama, ia dinilai bukan sebagai karya bersifat rekaan pengarang semata-mata, tetapi memberikan fungsi sebagai nilai tambah yang bermanfaat kepada khalayak secara estetika sama ada melalui pembacaan atau diangkat menjadi sebuah persembahkan teater.

PERMASALAHAN

Naskhah drama absurd terutamanya yang dihasilkan oleh pengarang Melayu khususnya di Malaysia, peri penting yang harus difahami adalah teks tersebut tidak lagi dicipta seperti naskhah drama realisme, iaitu berpegang kepada hukum sebab dan akibat yang memaparkan tentang realiti kehidupan sehari-hari. Oleh itu, naskhah drama absurd oleh pengarang Melayu lebih menekankan persoalan demi persoalan terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan dalam teks. Gaya penulisan naskhah drama absurd Melayu menjadi sebegitu kerana salah satu faktornya dipengaruhi dari kemunculan dan perkembangan drama absurd Barat pada abad ke-20. Hal ini kerana, drama absurd Barat mengemukakan naratif terhadap isu-isu sarwajagat sebagai tema utama dalam teks yang menjadi tunjang pemikiran dalam karya (dlm. Mohamad Nazri, 2011). Oleh itu, drama absurd Barat telah menjadi eksistensialisme dalam membicarakan sesuatu isu yang berlaku kehidupan manusia. Hal ini dapat dikenal pasti melalui naskhah drama, iaitu *Going...Going...Gone!* oleh Jean Tardieu (1903-1995), *No Exit* oleh Jean-Paul Sartre (1905-1980), *Waiting for Godot* oleh Samuel Beckett (1906-1989), *Time of the Locusts* oleh Ezio D’Errico (1892-1972), serta *Who’s Afraid of Virginia Woolf* oleh Edward Albee (1928-2016).

Berdasarkan pengaruh drama absurd Barat tersebut, telah membuatkan naskhah drama absurd oleh pengarang Melayu sekitar tahun 1970-an dan tahun-tahun berikutnya lebih menumpukan kepada pusat penceritaan yang menjadi subjek utama di dalam teks. Selain itu

pada tahun 1970-an juga, unsur absurd dalam naskhah drama Melayu terwujud disebabkan sebahagian para dramatis Melayu tidak menyenangi aliran romantisme, dan realisme yang telah sekian lama menerajui alam pendramaan di tanah air pada waktu itu (dlm. Mana Sikana, 2006). Oleh demikian, naratif tidak lagi berfungsi sebagai wadah penyampaian utama, sebaliknya ia hanya memaparkan lambang-lambang tertentu dan memberikan makna-makna tertentu dalam usaha pengarang memberikan kritikan terhadap sesuatu isu. Seperti dinyatakan Mana Sikana (2006), iaitu naskhah drama absurd “adalah bentuk drama yang bercorak anti-cerita, sukar untuk difahami, bertitik tolak daripada unsur fantastik, abstrak, berunsurkan mimpi, dan lebih menjurus kepada premis yang sukar dihayati.” Oleh demikian, ia memberikan cabaran kepada pembaca untuk memahami isi teks secara kolektif. Sehubungan itu, dalam usaha memahami sesebuah naskhah drama beraliran absurd, pembaca tidak lagi harus menyelidik teks dari sudut intrinsik sahaja, tetapi harus menyelidikinya dari sudut ekstrinsik untuk menemukan makna sebenar yang hendak disampaikan pengarang.

Berdasarkan hal inilah yang dapat dikenal pasti melalui naskhah drama Ismail Kassan (1954), iaitu “Istiqamah” (1994). Secara ringkas premis “Istiqamah” mengisahkan pengembaraan masa silam, dan futuristik watak Rehan dan Manna untuk mencari air. Namun, apabila diselidiki dari sudut ekstrinsik, “Istiqamah” memaparkan pemaknaan air sebagai falsafah kepada keperluan, pembersihan, dan segala-galanya dalam kehidupan manusia yang pada hakikatnya adalah kurniaan Allah SWT. Sehubungan itu, melalui pemaknaan air yang merupakan idealisme pengarang dalam “Istiqamah” itu boleh menjadi sebagai panduan kepada manusia ketika selama menjalani hidup di dunia untuk melakukan perkara positif dan menolak perkara negatif.

METODOLOGI

Kajian ini memberi penumpuan terhadap analisis teks, dan penghuraian teks. Kedua-dua perkara ini dilakukan secara deskriptif dengan mengaplikasikan Konsep Naskhah Drama Absurd Melayu yang diasaskan dari Teori Estetika Bersepadu bagi menemukan makna air yang merupakan idealisme pengarang dari naskhah drama “Istiqamah” karya Ismail Kassan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan sebagai sumber data. Seperti dijelaskan A. Halim (2019), iaitu, “kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain.” Bentuk kaedah kajian ini dipilih kerana signifikan dengan data dan kaedah analisis yang digunakan. Sumber data utama ialah kandungan naskhah drama “Istiqamah” karya Ismail Kassan, iaitu salah seorang pengarang dan dramatis di Malaysia bermula pada dekad 1970-an hingga kini.

TEORI ESTETIKA BERSEPADU

Teori *Estetika Bersepadu* diperkenalkan oleh Abdul Halim Ali pada 2010 dan beliau merupakan Profesor di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tujuan pendekatan ini diperkenalkan oleh Abdul Halim sebagai salah satu kaedah kritik estetik baharu terhadap teks kesusasteraan Melayu. Selain itu, teori yang diperkenalkan ini bertujuan untuk menjadi alternatif kepada kaedah kritik sastra yang sebelum ini dikenal pasti mengaplikasikan teori kesusasteraan Barat. Hal ini kerana, seperti dijelaskan Abdul Halim dan Khalid (2013), iaitu “teori-teori kesusasteraan Barat disifatkan oleh sarjana Melayu sebagai pincang, terbatas dan berat sebelah. Kepincangan ini tidak hanya diukur pada penilaian tekstual, tetapi juga pada aspek-aspek lain yang berada di luar teks.” Di samping itu, ia adalah suatu respons terhadap kelemahan kaedah kritik sebelumnya dengan merujuk pada kesempurnaan ciptaan Nabi Adam as sebagai asas memahami erti keindahan. Menurut Mana Sikana (2013a), Teori Estetika Bersepadu berfungsi sebagai usaha kepada pengarang untuk “kembali kepada al-Quran sebagai teks asal untuk memberi gambaran, dan sifat keindahan hakiki yang mencerminkan keindahan manifestasi dalam teks kesusasteraan.”

Sehubungan itu, Abdul Halim menegaskan dalam kerangka Teori Estetika Bersepadu, pengarang yang menghasilkan sesebuah karya kesusasteraan haruslah disandarkan kepada

Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan yang merujuk kepada proses Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS. Hal ini sangat penting untuk pengarang Melayu secara tidak langsung menyalurkan pengalamannya tentang keislaman yang menjadi anutan dan pegangan selain keperibadian dan kebudayaan Melayu itu sendiri. Oleh demikian, pengarang Melayu yang menghasilkan karya kesusasteraan akan dipengaruhi oleh dua aspek utama, iaitu keislaman dan kemelayuan. Sehubungan itu, aspek keislaman merupakan unsur rohaniah pengarang kerana agamanya dan aspek kemelayuan merupakan unsur lahiriah pengarang kerana bangsanya. Secara tidak langsung, kesepaduan aspek keislaman dan kemelayuan itu menghadirkan pemikiran pengarang berdasarkan karya kesusasteraan telah diciptanya. Dalam hal ini, Abdul Halim (2017) berpendapat, iaitu “ia mempunyai fungsi dan sifat yang hampir sama dengan proses Allah SWT mencipta Nabi Adam AS.” Hal ini kerana, proses penciptaan Nabi Adam AS terbentuk daripada dua unsur yang bersepadu, iaitu unsur jasmani, dan rohani. Pada pandangan Abdul Halim (2014), iaitu “kedua-dua unsur ini menjadi asas penting untuk memahami konsep keindahan dalam karya kesusasteraan.” Abdul Halim (2017) menerangkan iaitu “dalam mengamati penciptaan Nabi Adam AS, ia harus dirujuk kepada Surah *at-Tin*, ayat 4, dan Surah *al-Isra'*, ayat 70, iaitu;”

“Sesungguhnya, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.”

(*al-Tin*, 95: 4)

“Dan sesungguhnya, Kami telah memuliakan anak cucu Adam, dan kami angkut mereka di daratan dan di lautan, dan Kami berikan mereka rezeki yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka di atas kebanyakan makhluk yang Kami ciptakan dengan kelebihan sempurna.”

(*al-Isra'*, 17: 70)

Berpandukan kedua-dua Firman Allah SWT ini, Abdul Halim (2017) menegaskan, iaitu “penciptaan Nabi Adam AS sebagai penciptaan yang sebaik-baiknya dan kelebihan (kesempurnaan) berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain.” Hal ini disebabkan Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS daripada tanah. Manakala iblis diciptakan Allah SWT daripada api. Sedangkan malaikat diciptakan Allah SWT daripada cahaya. Sehubungan itu, jelas berdasarkan ketiga-tiga penciptaan ini terdapat pembezaan penciptaan manusia oleh Allah SWT berbanding dengan makhluk-makhluk ciptaan-Nya yang lain.

Di samping itu, proses penciptaan Nabi Adam AS diyakini Abdul Halim adalah suatu keadaman yang menstruktur, dan secara tidak langsung mendeskripsikan makna keindahan. Berdasarkan hal ini, Abdul Halim (2017) merumuskan empat perkara, iaitu; “Pertama, Nabi Adam AS merupakan puncak keindahan dalam alam duniawi. Kedua, penciptaan Nabi Adam AS berlaku berasaskan proses penyepaduan. Ketiga, hakikat penciptaan Nabi Adam AS berkait langsung dengan alam dunia yang diletakkan pada tugas kepimpinan dan amanah. Keempat, hakikat penciptaan Nabi Adam AS berkait langsung dengan ketetapan Allah untuk melantik pemimpin di dunia.” Oleh demikian, jelas penciptaan manusia itu adalah suatu penciptaan yang sempurna dari Allah SWT dan berfungsi sebagai khalifah di dunia. Oleh itu, manusia berperanan untuk menyampaikan, dan melaksanakan perintah Allah SWT kepada manusia yang lain tanpa dihalang oleh apa juga alasan pun. Berhubung perkara ini, untuk manusia dapat melaksanakan tanggungjawab menyampaikan, dan mengikut segala perintah yang telah ditetapkan Allah SWT, manusia wajib mengimani-Nya dan mengabdikan diri kepada-Nya. Perkara ini boleh dirujuk kepada rajah Ciri-ciri Keadaman yang dikemukakan Abdul Halim (2017) seperti berikut;

Asas	Ciri	Deskripsi
Hasil/ciptaan	Diciptakan	Pencipta (Allah SWT)
Unsur	Ketuhanan Kenabian Kemanusiaan	Roh Pemimpin umat di dunia Akal, nafsu
Proses kejadian	Kesepaduan	Unsur fizikal dan dalaman: 1) Tanah 2) Roh
Fungsi	Perkaitan	Berkait dengan tujuan penciptaannya: 1) Sembah Allah 2) Khalifah Allah di Bumi Kenabian 3) Menyampaikan perutusan Allah

Jadual 1 : Ciri-ciri Keadaman, iaitu proses Allah SWT mencipta Adam AS.

Berdasarkan Jadual 1 dapatlah dijelaskan, iaitu Nabi Adam AS yang diciptakan Allah SWT merupakan manusia pertama dunia yang melalui proses yang sangat sempurna kerana didasari oleh kesepaduan antara unsur rohaniah, iaitu roh dengan unsur lahiriah, iaitu tanah. Oleh itu, penciptaan Nabi Adam AS mempunyai kaitan dengan tujuan Allah SWT untuk Baginda menjadi khalifah di dunia dengan menyembah-Nya, mentaati-Nya, dan menyampaikan segala perutusan-Nya. Berdasarkan perkara ini, keserasian Ciri-ciri Keadaman dapat dipadankan terhadap proses penciptaan teks kesusasteraan pada Jadual 2 berikut;

Asas	Ciri	Deskripsi
Hasil/ciptaan	Diciptakan	Pengarang/Penulis/Penyair
Unsur	Agama Keduniaan Kemanusiaan	Ketuhanan Hal-hal kemasyarakatan Pemikiran, nilai-nilai
Proses kejadian	Kesepaduan	Unsur fizikal dan dalaman: 1) Gaya bahasa/bentuk/teknik/plot 2) Idea/pemikiran
Fungsi	Perkaitan	Berkait dengan tujuan penciptaannya: 1) Fungsi kreatif seniman 2) Fungsi kesasteraan 3) Menyampaikan perutusan/mesej

Jadual 2 : Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan

Berdasarkan Jadual 2, pengarang menciptakan sesebuah teks kesusasteraan melibatkan unsur dalaman dan luaran. Kedua-dua unsur tersebut meliputi keagamaan, keduniaan, dan kemanusiaan. Ketiga-tiga perkara tersebut sangat penting kerana akan mendeskripsikan terhadap aspek ketuhanan, hal-hal kemasyarakatan, pemikiran, dan nilai-nilai menjurus kepada perkara positif. Sehubungan itu, makna keindahan yang diperoleh dari proses penciptaan teks oleh pengarang tersebut seperti dijelaskan Abdul Halim (2017) adalah “berpegang kepada dua asas kezhahirannya, iaitu kesepaduan, dan perkaitan.” Oleh itu, kesepaduan dari unsur fizikal teks, iaitu gaya bahasa, bentuk, teknik atau plot dan unsur dalaman teks, iaitu idea dan pemikiran pengarang mempunyai kaitan dengan fungsi kreatif pengarang itu sendiri. Sehubungan itu proses kreatif pengarang itu dapat dirujuk kepada proses kejadian Nabi Adam AS oleh Allah SWT yang sangat sempurna dan Nabi Adam AS

berfungsi sebagai khalifah di dunia. Oleh itu, seseorang pengarang tidak hanya sekadar menghasilkan karya kesusasteraan berdasarkan imajinasinya semata-mata, tetapi pengarang harus sedar karya yang dihasilkannya merupakan amanah yang mesti dipertanggungjawabkan dan harus terisi dengan pengajaran. Secara tidak langsung pengarang menyampaikan pemikiran dan mesej untuk mengajak manusia mengabdikan diri kepada Allah SWT, mengikut segala perintah-Nya, dan menghindari segala larangan-Nya.

Pembentukan Konsep Naskhah Drama Absurd Melayu Berasaskan Teori Estetika Bersepadu

Penciptaan naskhah drama absurd oleh pengarang Barat dan berkembang sejak abad ke-20 telah meninggalkan prinsip penulisan naskhah drama realisme dengan mengabaikan aspek sebab dan akibat di dalam naratif. Oleh itu, naskhah drama absurd Barat lebih membahaskan persoalan demi persoalan secara berulang-ulang menerusi watak-watak tanpa ada konklusi di akhir cerita. Hal ini membuatkan watak-watak dalam naskhah drama absurd Barat hanyalah mencari-cari, dan menanti-menanti. Watak-watak yang diciptakan pengarang menjadi sebegitu kerana dipengaruhi oleh faktor kesengsaraan mental dan fizikal manusia di Eropah akibat Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua (dlm. Mohamad Nazri, 2011).

Berdasarkan perkara tersebut, seperti dinyatakan Mana Sikana (2013b), iaitu “membuatkan watak-watak yang ditampilkan dalam naskhah drama absurd Barat berpegang kepada prinsip untuk melupakan hari yang telah berlalu, dan meneruskan kehidupan secara terpaksa walaupun mengakui ia begitu membebankan dan menyeksakan diri mereka.” Hal ini diperkukuhkan lagi dengan keyakinan bahawa Tuhan tidak ada rasa peduli dan telah mati kerana tidak memberikan pertolongan terhadap kesengsaraan yang dialami, membuatkan manusia harus mencari sesuatu yang lain berbanding Tuhan. Hal ini membuatkan manusia yang kecewa itu mengharapkan ada sesuatu akan muncul menyelamatkan dan menghilangkan segala penderitaan yang dialami selama ini.

Berdasarkan perkembangan drama absurd Barat yang menitikberatkan persoalan terhadap inti pati isu-isu kehidupan yang membelenggu manusia dengan rasa putus asa kerana tiada harapan, dan tidak mendapat pertolongan daripada Tuhan, tidak mempengaruhi dan diterjemahkan secara kritis dalam naskhah-naskhah drama absurd oleh pengarang-pengarang Melayu terutamanya di Malaysia pada dekad 1970-an dan tahun-tahun selepas itu walaupun pembinaan teks tetap mengabaikan prinsip penulisan naskhah drama realisme. Seperti dijelaskan Nasir dan Azhar (2020), iaitu “kerana pemikiran pengarang naskhah drama absurd Barat terhadap persoalan manusia dan hilangnya rasa percaya terhadap Tuhan dikenal pasti amat bertentangan dengan pegangan agama dramatis-dramatis Melayu itu sendiri.” Oleh itu, dramatis-dramatis Melayu yang lahir sebagai Muslim mengakui kewujudan Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Esa. Oleh demikian, untuk menjadikan fahaman absurd bersifat tempatan, telah dilakukan penentangan terhadap fahaman absurd seperti yang terdapat dalam naskhah drama absurd Barat. Hal ini dijelaskan oleh Mana Sikana (1977), iaitu “kita harus melakukan pemberontakan atau pelanggaran terhadap nilai-nilainya” dalam absurdisme drama Barat.

Sehubungan itu, untuk menjadikan naskhah drama absurd bersifat tempatan, para pengarang Melayu telah memperlihatkan pegangan, dan aspirasi yang bertunjangkan kepada agama iaitu Islam dan jati diri bangsa Melayu itu sendiri. Oleh itu, naskhah drama absurd yang dihasilkan pengarang Melayu, inti pati ceritanya tentang persoalan terhadap keagungan Allah SWT telah disadurkan di dalam teks. Hal inilah yang membuatkan naskhah drama absurd Melayu berbeza dengan konsep naskhah drama absurd Barat kerana, seperti dijelaskan Solehah (1982), iaitu “harapan terhadap Tuhan masih ada, kerana Tuhan bagi mereka masih wujud.” Sehubungan itu, jelas kewujudan keberadaan Tuhan, iaitu Allah SWT dalam naskhah drama absurd Melayu tidak boleh dipertikaikan dan dipedulikan.

Oleh itu, penekanan terhadap keakuan Allah SWT dalam naskhah drama absurd Melayu dapat membuatkan pembaca dan khalayak berpegang kepada hakikat bahawa seluruh alam semesta diciptakan Allah SWT yang Maha Berkuasa. Berdasarkan hakikat ini,

pengarang naskhah drama absurd Melayu tidak akan terpesong akidahnya berkaitan tentang Ketuhanan berlandaskan al-Quran, dan Nabi Muhammad SAW serta Rasul-Rasul yang diutuskan oleh Allah SWT kepada manusia. Hal ini jelas menunjukkan pengarang naskhah drama absurd Barat telah berpegang kepada pemikiran dangkal dan celaru serta tidak ada asasnya. Seperti dijelaskan Mana Sikana (2006), iaitu “tidaklah benar seperti fahaman eksistensialisme Barat, bahawa manusia terlontar sia-sia sahaja ke dunia tanpa tujuan dan menerima ketentuan-ketentuan sebagai tragedi.” Sehubungan itu, sebagai manusia beriman dan tetap menjaga akidahnya, menjadi satu kewajiban kepada manusia untuk menerima ketentuan yang berlaku dalam kehidupannya. Hal ini kerana, segala ketentuan Allah SWT kepada manusia sebenarnya bertujuan untuk manusia lebih mendekatkan diri kepada-Nya dan meyakini segala yang terjadi pasti ada hikmah-Nya. Selain pengarang Melayu memaparkan nilai-nilai Islam dalam naskhah drama absurd, pengarang Melayu juga memaparkan isu-isu masyarakat yang berlaku dalam realiti kehidupan manusia. Isu-isu masyarakat tersebut menyentuh isu sosial dan moral yang digarap pengarang ke dalam naskhah drama dengan mengetepikan bentuk realiti dan hanya memaparkannya secara pelambangan.

Jelas naskhah drama absurd yang dihasilkan oleh pengarang Melayu tidak hanya berkisar kepada naratif teks semata-mata, tetapi dipengaruhi oleh unsur yang berkaitan tentang hal-hal berkaitan Islam, dan realiti kehidupan terhadap isu-isu masyarakat. Kedua-dua unsur agama dan isu-isu masyarakat ini jelas mempunyai kesepaduan hubungan intrinsik dan ekstrinsik teks yang melahirkan pemaknaan. Secara tidak langsung menjadikan ia sebagai idealisme pengarang untuk menyampaikan perutusan tentang hakikat keagungan Allah SWT, Nabi Muhammad SAW dan Rasul-Rasul sebagai utusan Allah SWT serta al-Quran menjadi panduan kepada manusia. Kesemua perutusan ini bertujuan untuk manusia mengambil pengajaran yang berguna dalam pembentukan sahsiah diri dan kesejahteraan masyarakat.

Sehubungan dengan penerangan yang dijelaskan, dapatlah dibina Konsep Naskhah Drama Absurd Melayu yang diasaskan daripada Teori Estetika Bersepadu berpandukan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan berdasarkan inti pati naskhah drama absurd yang dikarang pengarang Melayu seperti berikut;

Asas	Ciri	Deskripsi
Naskhah drama Absurd Melayu	Diciptakan	Pengarang Melayu
Unsur	Agama/ Isu-isu masyarakat	1) Ketuhanan 2) Hal-hal berkaitan tentang akidah, syariat dan akhlak berlandaskan al-Quran dan hadis. 3) Sikap-sikap negatif manusia 4) Kepincangan dalam kehidupan dan masyarakat.
Proses kepengarangan	Kesepaduan	Unsur fizikal dan dalaman teks: 1) plot/watak/dialog/ latar pentas/ objek pentas/ arahan pentas/ elemen moden 2) Idea pengarang
Fungsi	Perkaitan	Berkait dengan tujuan penciptaannya: 1) Menyampaikan mesej berkaitan agama 2) Menyampaikan mesej berkaitan salah laku manusia dan permasalahan masyarakat yang tidak berpegang ajaran Islam.
	Kesepaduan hubungan intrinsik dan ekstrinsik teks yang mempunyai kaitan.	Idealisme pengarang dalam menyampaikan perutusan tentang hakikat keagungan Allah SWT, Nabi Muhammad dan Rasul-Rasul sebagai utusan Allah SWT serta al-Quran menjadi panduan kepada manusia untuk mengambil pengajaran dalam pembentukan sahsiah diri dan kesejahteraan masyarakat.

Jadual 3: Konsep Naskhah Drama Absurd Melayu diasaskan daripada Teori Estetika Bersepadu berpandukan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan.

Berdasarkan Jadual 3, naskhah drama absurd yang diciptakan oleh pengarang Melayu melalui proses yang meliputi unsur keagamaan dan realiti kehidupan terhadap isu-isu masyarakat. Oleh itu, kedua-dua unsur ini akan mendeskripsikan terhadap aspek ketuhanan, hal-hal berkaitan tentang akidah, syariat dan akhlak berlandaskan al-Quran dan hadis, sikap-sikap negatif manusia dan kepincangan-kepincangan yang berlaku dalam masyarakat.

Kesepaduan ketika proses kepengarangan pengarang di dalam naskhah drama absurd Melayu merangkumi unsur fizikal dan unsur dalaman. Oleh itu, seperti dinyatakan Abdul Halim (2011), iaitu “unsur fizikal, dan unsur dalaman menjadi perkara penting kerana dapat mewujudkan keindahan di dalam teks.” Berdasarkan hal ini seperti yang dijelaskan Nasir dan Azhar (2020), iaitu “melalui naskhah drama absurd Melayu, unsur fizikal teks merangkumi plot, watak, dialog, latar pentas, objek pentas dan elemen moden. Sedangkan unsur dalaman teks terangkum idea pengarang. Idea pengarang itu dipengaruhi oleh hubungan intrinsik dan ekstrinsik ketika naskhah drama itu sedang dicipta.” Sehubungan itu, kesepaduan antara unsur fizikal, dan dalaman daripada penciptaan naskhah drama absurd oleh pengarang Melayu mempunyai berkaitan langsung dengan mesej untuk mengungkapkan keindahan tentang kebenaran Islam. Selain itu, ia juga berkaitan langsung dengan mesej untuk mengungkapkan berkaitan salah laku manusia dan permasalahan masyarakat yang tidak berpegang ajaran Islam. Berdasarkan hal ini, Abdul Halim (2017) menjelaskan, iaitu “kesepaduan adalah kunci utama yang menghasilkan keindahan di dalam sesebuah teks.” Sehubungan itu, unsur fizikal dan unsur dalaman yang bersepadu dapat menunjukkan pertalian tekstual yang membina makna teks. Oleh itu, unsur-unsur yang bersepadu atau disepadukan dalam naskhah drama absurd Melayu itu harus dikenal pasti, diteliti, dan diperhalusi secara menyeluruh dengan adanya hubungan intrinsik dan ekstrinsik teks. Sehubungan itu, kesepaduan hubungan intrinsik dan ekstrinsik teks serta mesej pengarang dapat melahirkan idealisme yang sebenarnya. Oleh itu, makna yang diperoleh daripada idealisme pengarang dari sesebuah naskhah drama absurd Melayu berfungsi untuk menyampaikan perutusan tentang hakikat keagungan Allah SWT, Nabi Muhammad dan Rasul-Rasul sebagai utusan Allah SWT serta al-Quran menjadi panduan kepada manusia untuk mengambil pengajaran dalam pembentukan sahsiah diri dan kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, idealisme pengarang juga dapat memandu manusia menghindari dari melakukan sesuatu perbuatan negatif dan tetap berada dalam sistem kemasyarakatan berlandaskan keislaman. Berdasarkan hal ini, seperti dijelaskan Mana Sikana (2019) yang disesuaikan, idealisme, iaitu “pemikiran pengarang merupakan cetusan pengalaman yang dijelmakan melalui penulisan. Hal ini, peranan pengarang memastikan segala pemikiran yang disampaikan haruslah memberi manfaat kepada diri dan orang lain.”

Sehubungan itu, makna yang diperoleh daripada analisis sesebuah naskhah drama absurd Melayu yang merupakan idealisme itu merupakan komunikasi pengarang dengan pembaca dan khalayak. Dalam hal ini, Mana Sikana (1985) menjelaskan, iaitu “konsep komunikasi bagi drama absurd lebih memilih kepada tidak langsung, iaitu implisit dan tersirat.” Oleh itu, konsep komunikasi pengarang secara tersirat itu merupakan kaedah kepengarangan yang mempunyai keindahan. Seperti dijelaskan oleh Abdul Halim (2017), iaitu “keindahan tersirat di dalam teks kesusasteraan ada kaitannya dengan hal kebaikan dengan kebajikan.” Oleh itu kebaikan dan kebajikan dalam naskhah drama absurd Melayu akan terungkap, dan terlaksana apabila merujuk kepada hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan Nabi Muhammad SAW dan Rasul-Rasul-Nya, serta hubungan manusia dengan al-Quran. Selain itu, hubungan manusia dengan manusia dan realiti kehidupan terhadap isu-isu masyarakat yang merangkumi isu moral dan isu sosial juga akan terungkap dan terlaksana yang ada kaitan dengan hal kebaikan dan kebajikan. Sehubungan hal ini, Abdul Halim (2017) menjelaskan, iaitu “dalam konteks hubungan manusia dengan Allah SWT, kebajikan secara khususnya berkait dengan makna melaksanakan segala amal taat sama ada dari sudut zahir mahupun batin sesuai dengan ajaran Islam.” Manakala hubungan manusia dengan Nabi Muhammad SAW dan Rasul-Rasul-Nya,

kebajikan berkaitan dengan makna melihat kepada sunnah para Rasul yang dapat diteladani oleh manusia. Sedangkan, hubungan manusia dengan al-Quran kebajikan berkaitan dengan makna mengambil pengajaran-pengajaran dan peringatan Allah SWT seperti yang terkandung dalam kitab suci umat Islam tersebut (dlm. Nasir dan Azhar, 2020).

PERBINCANGAN

“Istiqamah” dianalisis dengan mengaplikasikan pendekatan Konsep Naskhah Drama Absurd Melayu yang diasaskan daripada Teori Estetika Bersepadu oleh Halim Ali bagi menemukan makna air di dalam teks yang dikaji. Oleh itu, pemaknaan air yang diperoleh daripada analisis teks yang dikaji merupakan idealisme pengarang. Sehubungan itu, teks dianalisis berpandukan Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan dengan mengenal pasti nilai-nilai Islam dan realiti kehidupan terhadap isu-isu masyarakat dalam memahami makna air secara berstruktur dan sistematik. Oleh itu, proses penciptaan teks oleh pengarang berpegang kepada dua asas kezhahirannya, iaitu kesepaduan dan perkaitan. Dalam hal ini, kesepaduan adalah kunci utama yang akan mewujudkan keindahan dalam teks selain memperlihatkan proses yang dapat menunjukkan pertalian hubungan unsur-unsur tekstual yang membina makna daripada teks yang dikaji. Unsur-unsur yang bersepadu dalam teks yang dikaji itu meliputi unsur fizikal dan unsur dalaman. Unsur fizikal tersebut adalah meliputi plot, watak, dialog, arahan pentas, dan latar pentas, manakala unsur dalaman adalah pencernaan idea pengarang. Oleh demikian, kesepaduan antara unsur fizikal teks, dan unsur dalaman telah mewujudkan makna air yang diperoleh secara tersirat dengan memaparkan mesej berkaitan agama, salah laku manusia dan permasalahan masyarakat yang tidak berpegang ajaran Islam. Berdasarkan perkara ini, makna air yang merupakan idealisme pengarang dalam “Istiqamah” dikenal pasti tertumpu kepada perkara-perkara berikut.

Air anugerah Allah SWT kepada seluruh makhluk-Nya

Air merupakan salah satu antara banyaknya ciptaan Allah SWT di dunia. Sebagai khazanah alam, air tidak dapat diukur dengan nilai seberapa banyak pun harganya. Oleh itu, air menjadi sangat penting untuk keseluruhan kehidupan di dunia ini. Menurut Afifah (2022), iaitu “Allah SWT menciptakan air sebagai sumber dari segala kehidupan dan sebab itu adanya kehidupan di bumi ini. Tanpa air, makhluk hidup akan mati.” Perkara ini telah dijelaskan dalam al-Quran seperti berikut;

“Dan adakah orang-orang yang kafir tidak mengetahui bahawa langit dan bumi, kedua-duanya dahulu adalah satu kemudian Kami memisahkan antara kedua-duanya, dan kami menjadikan segala sesuatu yang hidup berasal daripada air maka mengapa mereka tidak beriman?”

(*al-Anbiya*, 21: 30)

Berdasarkan petikan terjemahan ayat al-Quran yang diketengahkan, jelas air menjadi sumber utama bukan sahaja kepada manusia, tetapi juga kepada semua makhluk yang hidup di dunia seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Menurut Said Hamad (2007), iaitu “walaupun ada beberapa makhluk hidup yang tidak memerlukan udara, seperti bakteria non-udara dan bakteria usus pencernaan, tetapi sehingga kini masih belum dapat ditemukan dalam mana-mana penyelidikan ilmiah wujudnya suatu jenis makhluk yang tidak memerlukan air.” Berdasarkan hal ini, jelas tanpa air, makhluk yang hidup di dunia termasuklah manusia tidak mampu meneruskan kehidupannya. Sehubungan itu, tanpa air manusia sanggup mencari demi kelangsungan hidupnya. Perkara inilah yang dapat ditemukan dalam “Istiqamah” menerusi watak Rehan dan Manna yang mencari air menerusi petikan berikut;

REHAN : Bagus, kau mula dahaga! Kalau begitu, mari kita cari air. Jangan sampai dahaga baru cari air! Sekurang-kurangnya kita ada tujuan sekarang, mencari air.

MANNA : Tapi, kita tak tahu di mana ada air?

REHAN : Air mungkin berada di mana-mana. Justeru itu, kita harus mencarinya di mana-mana juga!

“Istiqamah” (1994:131)

Berdasarkan petikan dialog Rehan dan Manna yang diketengahkan, jelas menunjukkan air sangat penting kepada manusia. Seperti dijelaskan Salim dan Taslim (2021), iaitu “air adalah nutrisi yang penting kepada tubuh. Manusia perlu meminum air terutamanya air kosong satu hingga dua setengah liter sehari.” Oleh itu, jika sehari-hari manusia berterusan tidak meminum air yang secukupnya, ia membuatkan tubuh menjadi hiderasi. Selain itu, hiderasi dapat memberi kesan negatif kepada mental manusia. Menurut Slameto (2015), iaitu “antara masalah kepada mental manusia disebabkan kekurangan air dalam tubuh adalah fikirannya menjadi keliru.” Perkara inilah yang dapat ditemukan dalam “Istiqamah” melalui situasi Manna yang menjadi keliru fikirannya kerana sudah lama tidak meminum air seperti berikut.

MANNA : ... Kau lihat diri kau, kau lihat aku dan kau lihat dia (*kepada PEMUDA III*). Dia masih bingung dan tidak ketentuan hala. Aku juga bingung dan mulai bosan.

REHAN : Kau berasa bosan kerana belum bertemu dengan air itu.

“Istiqamah” (1994 :164)

Berdasarkan petikan dialog Manna dan Rehan, jelas apabila manusia mengalami hiderasi, fikiran manusia itu menjadi keliru. Hal ini membuatkan manusia tidak dapat memahami dan menyedari apa yang sedang dilakukannya. Menurut Siti Nadirah (2018), iaitu “tanpa sedar, individu mengalami kekeliruan melampau yang menyebabkan mentalnya bercelaru sehingga karakter emosi sentiasa berubah-ubah.” Selain itu, manusia hiderasi akan sentiasa berperasaan negatif terhadap orang lain. Seperti dijelaskan Slameto (2015), iaitu “perasaan negatif ini seringkali menganggap orang lain akan melakukan tindakan yang tidak menyenangkan kepadanya atau melakukan perkara tidak seperti yang dikehendakinya.” Perkara inilah yang dapat ditemukan dalam “Istiqamah” melalui situasi A0010 yang bercelaru fikirannya akibat hiderasi seperti berikut;

A0010 : ...Berikanlah air itu kepadaku sekarang!

REHAN : Mengapa kau datang sendirian dan lebih awal daripada perjanjian.

A0010 : Aku tidak sabar sebenarnya. Aku juga berasa aku lebih layak menerima air itu daripada sekalian warga zon yang lain.

“Istiqamah” (1994 :178)

Berdasarkan petikan dialog antara A0010 dengan Raihan, jelas menunjukkan manusia hiderasi menyebabkan dirinya berprasangka negatif terhadap individu lain. Hal ini membuatkan manusia sebegitu hanya mementingkan dirinya sendiri tanpa mempedulikan individu lain. Sehubungan itu, jelas air merupakan anugerah Allah kepada manusia dan makhluk hidup yang lain dan tidak ternilai harganya.

Air Zam-Zam sebagai air istimewa daripada Allah SWT

Allah SWT menciptakan air yang khusus dan sangat istimewa. Air tersebut adalah Air Zam-Zam. Hal ini kerana, Air Zam-Zam mempunyai banyak khasiatnya. Berdasarkan dalam al-Quran, Air Zam-Zam muncul berhampiran Kaabah ketika Nabi Ismail AS yang ketika itu

masih bayi menangis kehausan sambil menghentak-hentakkan kaki ke tanah, dengan izin Allah SWT terpancutlah Air Zam-Zam di hujung kaki Baginda. Menurut Muhammad Mushfique (2016), iaitu “Air Zam-Zam mempunyai banyak kelebihan berdasarkan riwayat Ibn Majah. Antara kelebihan Air Zam-Zam adalah sebaik-baik air di muka bumi dan menjadi penghulu kepada semua air.” Berdasarkan perkara inilah yang dapat ditemukan dalam “Istiqamah” melalui situasi Rehan membicarakan tentang air yang sangat istimewa seperti terkandung dalam kitab-kitab agama yang telah dibacanya sebelum ini seperti berikut;

REHAN : Ada hubungannya, Manna! Ada! Air suci yang dimaksudkan oleh kitab-kitab lama sebagai sumber cerita adalah hakikat kepada segala kebenaran! Air suci itu hanyalah nama yang dinamakan sebagai pengganti kepada suatu hakikat segala kebenaran! Air suci itu hanyalah nama yang dinamakan sebagai pengganti kepada suatu hakikat yang dianggap maha benar. Hakikat kebenaran yang sebenar, tak akan tertolak oleh sebarang hujah.

“Istiqamah” (1994 :153)

Berdasarkan petikan dialog Rehan, jelas air suci yang diketengahkan di dalam teks dapat dimaknakan sebagai Air Zam-Zam. Oleh itu, Air Zam-Zam merupakan air istimewa yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia. Menurut Zulkifli (2022), iaitu “Air Zam-Zam adalah merupakan air yang diberkati dan boleh mengenyangkan sesiapa yang meminumnya.” Perkara ini dapat dirujuk kepada hadis Nabi Muhammad SAW daripada Abu Zar RA dalam Riwayat Muslim yang dipetik dalam Zulkifli (2022). Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

“Sesungguhnya Air Zam-Zam ialah air yang penuh dengan keberkatan dan mengandungi makanan yang mengenyangkan.”

Selain itu, Air Zam-Zam merupakan sebaik-baik air di dunia dan ia menjadi penawar kepada penyakit. Hal ini dapat dirujuk kepada Hadis Muhammad SAW diriwayatkan daripada Abdullah Abbas yang dipetik dalam Zulkifli (2022), Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

“Sebaik-baik air di atas muka bumi ialah Air Zam-Zam, padanya terdapat makanan yang mengenyangkan dan penawar daripada penyakit.”

Berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang diketengahkan, jelas Air Zam-Zam kurniaan Allah SWT dapat menjadikan penawar kepada penyakit yang dihidapi manusia. Oleh itu, jelas manusia dapat manfaat apabila meminum Air Zam-Zam yang dianugerahkan Allah SWT. Perkara inilah yang dapat ditemukan dalam “Istiqamah” melalui petikan dialog Rehan yang membicarakan tentang air yang mempunyai keistimewaan untuk mengubati sebarang penyakit seperti berikut;

REHAN (*ketawa*) : Baiklah kita bercerita terus tentang air suci yang abadi itu.
Air sakti yang mampu mengubati segala kesakitan, menyelesaikan segala sesuatu, memulakan segala sesuatu...

“Istiqamah” (1994 :182)

Berdasarkan petikan dialog Rehan yang diketengahkan, jelas menunjukkan kebaikan meminum Air Zam-Zam yang dijadikan penawar untuk penyakit. Menurut Ibn Hajar al-Asqalani dalam riwayat Ibn Abbas yang dipetik dalam Muhammad Mushfique (2016), menjelaskan “jika kamu meminumnya untuk penyembuhan daripadanya maka Allah akan menyembuhkanmu. Jika kamu meminumnya untuk memohon perlindungan maka Allah akan melindungimu. Jika kamu meminumnya untuk menghilangkan kehausan maka Allah akan menghilangkannya.” Berdasarkan penerangan Ibn Hajar al-Asqalani yang diketengahkan,

fungsi Air Zam-Zam selain daripada untuk menyembuhkan penyakit dan menghilangkan dahaga, ia juga berfungsi untuk mendapatkan perlindungan daripada Allah SWT sesuai dengan niat seseorang ketika meminum Air Zam-Zam tersebut. Oleh demikian, Air Zam-Zam kurniaan Allah SWT merupakan air yang sangat istimewa yang dianugerahkan-Nya kepada manusia.

Di samping itu, Air Zam-Zam kurniaan Allah SWT kepada manusia berfungsi sebagai penyubur kepada tumbuh-tumbuhan dan memakmurkan kehidupan manusia. Perkara ini dijelaskan dalam al-Quran seperti berikut;

“Ya Tuhan, sesungguhnya, aku telah menempatkan sebahagian zuriat (keturunan) ku di lembah yang tidak mempunyai tumbuh-tumbuhan dekat dengan rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati, ya Tuhan, (yang demikian itu) agar mereka mendirikan solat maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan berilah mereka rezeki daripada buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur.”

(Ibrahim, 14: 37)

Berdasarkan petikan terjemahan ayat al-Quran yang diketengahkan, Air Zam-Zam yang muncul dengan izin Allah SWT ketika Nabi Ismail AS berada dalam kehausan, memberi rahmat kepada manusia. Menurut Muhammad Rafi (2021), iaitu “setelah munculnya Air Zam-Zam, Mekah yang tandus ketika itu didatangi oleh suku Jurhum yang datang dari jalur bukit Kada’a untuk mencari air. Di situ mereka membuat penempatan. Seterusnya tanah Mekah menjadi subur dan menjadi kota pusat tumpuan manusia dari seluruh dunia.” Oleh demikian, jelas kemunculan Air Zam-Zam memberikan kebaikan bukan sahaja kepada Nabi Ismail AS dan Siti Hajar, tetapi kepada semua manusia yang datang pada hari kemudiannya. Perkara inilah yang dapat dikaitkan dengan petikan seloka Warga II dan Rehan serta dialog Rehan dalam “Istiqamah” seperti berikut;

WARGA II : Tidak terubat tidak terluka,
Bilah sembilu menyisir nira;
Air suci pengubat duka,
Seluruh warga riang gembira.

REHAN : Sekoci tunggal di Tanjung Jelai,
Geledak sarat tombak dan pedang;
Air suci mahal bernilai,
Tidak tersukat cupak dan gantang.

“Istiqamah” (1994 :181)

REHAN : ... Air idaman sekalian orang, daripada petani hingga nelayan,
daripada pendeta hingga jutawan, tak kurang juga para pemimpin dan
ketua... itulah air suci yang abadi.

“Istiqamah” (1994 :182)

Berdasarkan petikan seloka Warga II dan Rehan serta petikan dialog Rehan, jelas menunjukkan kelebihan air-zam-zam tidak dapat diukur nilainya oleh sesiapaapun. Hal ini kerana, kebaikan Air Zam-Zam kepada manusia memberikan kesan bukan sahaja untuk fizikal manusia itu sendiri, tetapi juga memberi kesan kepada kesejahteraan dalam kehidupan. Oleh itu, kemuliaan Air Zam-Zam sebagai kurniaan Allah SWT harus dijaga dan dipelihara agar mendapat keberkatan daripada-Nya selama-lamanya.

Allah SWT melarang manusia menyalahgunakan air

Air yang menjadi sumber kehidupan di dunia ciptaan Allah SWT wajib digunakan sebaik mungkin. Sehubungan itu, manusia tidak diperbolehkan untuk menyalahgunakan air secara sewenang-wenangnya. Seperti dijelaskan Muhjiddin (2014), iaitu “Allah SWT telah menetapkan hak-hak pemanfaatan air kepada bagi manusia dan semua makhluk hidup.” Oleh hal demikian, semua makhluk hidup yang bergantung kepada sumber air mempunyai hak sama rata untuk memanfaatkannya. Sehubungan itu, bersikap untuk memonopoli sumber air adalah dilarang dalam ajaran Islam. Perkara ini dapat ditemukan dalam “Istiqamah” menerusi petikan situasi A0010 yang mahu membolot kesemua air yang telah dijanjikan Manna seperti berikut;

MANNA : Bukankah perjanjian kita semalam untuk kepentingan semua?

A0010 : Betul! Peranan aku selaku ketua juga untuk kepentingan semua!

...

A0010 : Tolonglah berikan air itu! Sebentar lagi sekalian warga akan ke mari!

“Istiqamah” (1994 :178-179)

Berdasarkan petikan dialog Manna dengan A0010, jelas sikap A0010 yang ingin monopoli air atau dari sumbernya adalah merupakan perbuatan negatif. Hal ini kerana ia memberikan implikasi bukan kepada seseorang individu, tetapi kepada masyarakat keseluruhannya. Oleh itu, manusia bersikap sebegini menyebabkan hak-hak individu lain telah dihalang. Oleh itu dalam ajaran Islam sikap sebegini diharamkan untuk dilakukan. Menurut Imam al-Kasani yang dipetik dalam Zulkifli (2016) menyatakan “pengharaman monopoli sesuatu barang kerana dilihat kepada kemudahan yang boleh berlaku kepada pihak masyarakat ramai.”

Oleh itu, jika manusia bersikap ingin menguasai air untuk kepentingan dirinya sendiri dapat menyebabkan timbul krisis dalam masyarakat. Hal ini kerana, pemonopoli akan bertindak dengan menawarkan air dengan harga tertentu mengikut kehendak dirinya sahaja. Oleh itu masyarakat terpaksa menerimanya dan membelinya atas faktor desakan keperluan diri. Jelas, Islam melarang perbuatan ini kerana air merupakan sumber utama yang tidak mungkin tidak digunakan oleh setiap makhluk hidup di dunia ini. Oleh itu, tidak wajar bersikap ingin menguasai air demi untuk memuaskan diri sendiri secara tidak langsung telah mengabaikan rasa manusiawi terhadap semua makhluk ciptaan Allah SWT.

Tidak semua air boleh diminum manusia

Walaupun air merupakan sumber utama kepada kehidupan, dalam ajaran Islam tidak semua air yang boleh diminum oleh manusia. Hal ini kerana, umat Islam hanya diperbolehkan meminum minuman yang halal sahaja. Oleh itu, dalam ajaran Islam secara tegas melarang umatnya untuk meminum darah. Hal ini kerana, Islam mahu memastikan jiwa umatnya dapat dipelihara dengan meminum atau memakan makanan yang halal. Menurut Syukriya dan Faridah (2019), “jika seseorang itu terbiasa dengan minuman dan makanan haram, akan membuatkan sikap manusia menjadi buruk dan perasaannya akan mati.” Sehubungan itu, dengan meminum minuman tidak halal membuatkan tidak wujud nilai-nilai moral dalam diri manusia. Perkara inilah yang dapat ditemukan dalam “Istiqamah” menerusi situasi Pendeta Zion yang mengarahkan Gadis meminum darah kambing sambil disaksikan oleh para pengikutnya seperti berikut;

Dua orang ahli KUMPULAN muncul sambil memikul seekor kambing. Kambing dibawa ke sebalik batu besar, lalu dipancung. Darahnya ditadah dan dibawa di dalam bekas. Pengikut KUMPULAN menuangkan darah ke dalam takar. Air dituang ke dalam geluk perak. Air dibawa ke hadapan PENDETA

ZION. PENDETA ZION menjampi serapah dan memberikan air kepada gadis-gadis berpakaian serba putih. Gadis minum air tadi. Pengawal gadis berdiri di hadapan PENDETA ZION).

“Istiqamah” (1994 :174-148)

Berdasarkan petikan arahan pentas yang diketengahkan, jelas menunjukkan meminum minuman tidak halal, iaitu darah memberikan kesan kepada akhlak manusia, iaitu melakukan upacara yang bertentangan dengan syariat Islam. Oleh itu, ini menyebabkan jiwa manusia tertutup untuk melihat nilai-nilai moral dalam kehidupannya. Sehubungan itu, jelas menunjukkan mengapa Allah SWT melarang manusia dari meminum darah dan makanan tidak halal lainnya kerana dapat mengundang perbuatan yang tidak bersandarkan kepada ajaran Islam. Peringatan Allah SWT terhadap larangan manusia untuk meminum dan memakan makanan tidak halal telah dijelaskan dalam al-Quran seperti berikut;

“Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, dan (daging) haiwan yang disembelih bukan dengan (nama) Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan yang diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih. Dan (diharamkan juga) yang disembelih untuk berhala.”

(*al-Ma'idah*, 5: 3)

Berdasarkan petikan terjemahan ayat al-Quran yang diketengahkan, jelas ada hikmah mengapa Allah SWT melarang manusia dari meminum atau memakan makanan tidak halal khususnya darah. Menurut Jabar Zaman Khan et al (2011), iaitu “darah mengandungi racun, bakteria, dan karbon dioksida.” Oleh itu, apabila manusia meminum darah, kandungan bahan berbahaya ini mampu menyebabkan gangguan kepada tubuh. Selain itu, dalam darah mengandungi zat besi. Menurut Mulyantari et al (2018), iaitu “apabila manusia meminum darah, kandungan zat besi dalam tubuhnya menjadi berlebihan. Hal ini boleh menyebabkan penyakit hemochromatosis, iaitu kelainan klinikal dan membuatkan kegagalan organ tubuh berfungsi seperti jantung dan pankreas.” Selain itu, organ tubuh lainnya yang terganggu disebabkan meminum darah adalah paru-paru berair, dan gangguan kepada saraf. Di samping itu kesan meminum darah menyebabkan tekanan darah rendah dan hiderasi. Oleh itu, jelas Allah SWT melarang meminum darah kerana banyak mudaratnya kepada tubuh manusia.

RUMUSAN

Analisis yang dilakukan terhadap naskhah drama “Istiqamah” dengan mengaplikasikan pendekatan Konsep Naskhah Drama Absurd Melayu tertumpu kepada Ciri-ciri Keadaman Teks Kesusasteraan menunjukkan teks dipengaruhi oleh kesepaduan unsur dalaman (idea dan pemikiran) dengan unsur lahiriah (struktur teks). Kedua-dua unsur ini telah menzahirkan stail, iaitu perkaitan stail (kesepaduan unsur dalaman) dengan mesej kebenaran terhadap Islam dan realiti kehidupan tertumpu kepada sikap negatif yang dilakukan manusia. Oleh itu, kesepaduan unsur fizikal dan unsur dalaman tersebut dapat menunjukkan pertalian tekstual dengan adanya hubungan intrinsik dan ekstrinsik yang membina makna teks. Oleh itu, dapatan analisis telah menemukan makna air dalam teks, iaitu; Pertama, air merupakan ciptaan Allah yang sangat berguna kepada seluruh makhluk di dunia. Tanpa air, makhluk hidup tidak dapat meneruskan kehidupan. Kedua, Allah SWT telah mencipta Air Zam-Zam yang mempunyai banyak khasiat. Antara khasiat Air Zam-Zam untuk menjadi penawar penyakit dan dapat melindungi diri seseorang berdasarkan niat kepada-Nya. Ketiga, air ciptaan Allah SWT tidak boleh disalahgunakan. Hal ini untuk memberi kebaikan kepada kehidupan makhluk ciptaan Allah SWT selama-lamanya. Keempat, Allah SWT melarang manusia meminum minuman yang tidak halal, iaitu darah. Hal ini kerana, darah dapat menjadi salah satu punca penyakit kepada tubuh manusia. Sehubungan itu, keempat-empat dapatan analisis terhadap makna air dalam “Istiqamah” tersebut merupakan idealisme

pengarang menjurus kepada perutusan tentang hakikat keagungan Allah SWT yang telah berkuasa menciptakan air. Selain itu, perutusan yang diperoleh daripada dapatan analisis teks adalah Nabi Muhammad SAW telah menjelaskan melalui hadis Baginda bahawa Air Zam-Zam mempunyai keberkatan, dapat mengenyangkan, dan menjadi penawar segala penyakit. Di samping itu, perutusan yang diperoleh daripada teks yang dikaji menunjukkan menerusi al-Quran, Allah SWT telah mengharamkan kepada manusia untuk tidak meminum darah. Hal ini kerana, ia dapat mengundang permasalahan sosial dan menjejaskan kesihatan. Selain itu, perutusan yang diperoleh daripada “Istiqamah” menjelaskan sikap manusia menyalahgunakan sumber air dapat menjejaskan kelangsungan hidup manusia dan meniadakan keharmonian dalam masyarakat. Kesemua perutusan ini dapat memandu manusia untuk tetap beriman kepada Allah SWT dan menghindari manusia dari melakukan sesuatu perbuatan negatif serta tetap berada dalam sistem kemasyarakatan berlandaskan keislaman.

RUJUKAN

- A. Halim Ali(2024) *Menilai Makna Keindahan berasaskan Konsep Estetika Bersepadu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- A. Halim Ali. (2019). *Pengetahuan Asas Penyelidikan dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang. MZ Edu Publication.
- Abdul Halim Ali. (2017). “Pendekatan kritik teks sastra berasaskan gagasan Estetika Bersepadu.” Dlm. *Prosiding Seminar Internasional Penyelidikan Pascasiswazah IPM-UNNES*, 10-29.
- Abdul Halim Ali. (2014). “Konsep Estetika Bersepadu: Satu kaedah baharu kaedah kritik estetik dalam Kesusasteraan Melayu.” Dlm. *Jurnal Peradaban Melayu Jilid 9*, 2014, 84-104
- Abdul Halim Ali dan Khalid Ismail. (2013). “Asas pembinaan teori sastra oleh sarjana sastra di Malaysia.” *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, Jilid 1, Januari 2013. Pp. 1-20/
- Abdul Halim Ali. (2011). *Teori Estetika Bersepadu*. dimuat turun dari <http://teorisastera.blogspot.my/2011/12/teori-estetika-bersepadu.html>.
- Afifah, Fahdah. (2022). “Air menurut Konsep al-Quran dan Sains Medika.” Dlm. *Prosiding Konferensi Intergasi Interkoneksi Islam dan Sains, Volume 4, 2022*. Pp. 163-169.
- Al-Quran al-Karim. (*Terjemahan perkata dan Tajwid*). Selangor: Karya Bistari Sdn. Bhd. Cetakan 2017 (2022).
- Damono, Sapardi Djoko. (1984). *Sosiologi sastra sebuah pengantar Ringkas*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Emzir Saifur Rohman dan Andri Wicaksono. (2018). *Tentang Sastra : Orkestrasi Teori dan Pembelajarannya*. Yogyakarta : Penerbit Garudhawaca.
- Ismail Kassan. (2003). “Istiqamah” (terbitan asal, 1994). Dlm. *Kumpulan Drama Ismail Kassan : Gelanggang Tuk Wali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabar Zaman Khan Khattak, Asif Mir, Zubair Anwar, Hussain Mustatab Wahedi, Ghulam Abbas, Haider Zaman Khan Khattak dan Humaira Ismatullah. (2011). “Concept of Halal Food and Biotechnology.” Dlm. *Advance Journal of Food Science and Technology* 3(5). Pp 385-389.
- Mana Sikana. (2019). “Kehadiran Pemikiran Anwar Ridhwan dari Sudut Kekuasaan Politik dalam Drama Yang Menjelma dan Menghilang.” Dlm. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, Jilid 7, Januari 2019. Pp. 247-266.
- Mana Sikana. (2013a). “Arah Perjalanan Teori dan Kritikan Sastra Malaysia dalam Era Globalisasi.” Dlm. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, Jilid 1, Januari 2013. Pp. 143-168.
- Mana Sikana. (2013b). *Berdiri di akar diri : Kritikan sastra Melayu pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.

- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu tradisional, moden, dan pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1985). *Mendekati drama*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1977). "Noordin Hassan pelopor ekperimentalis". Dlm. *Berita Harian*, 8 Julai 1977.
- Mohamad Nazri Ahmad. (2011). "Waiting For Godot: Acuan Drama Absurd di Malaysia." Dlm. *Jurnal Melayu. Bilangan 6, 2011*. Pp. 211-225.
- Muhammad Mushfique Ahmad Ayoub @ Ayub. (2016). *Air Zam-Zam*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Muhammad Rafi. (2021). *Kisah Nabi Ismail, Siti Hajar dan Asal Usul Air Zamzam*. Jakarta: Tafsiralquran.Id.
- Muhjidin Mawardi. (2014). "Air Masa Depan Kehidupan." Dlm. *Jurnal Tarjih, Volume 12 (1) 2014*. Pp. 1-12.
- Mulyantari, Kadek dan Anak Agung Wiradewi Lestari, A.A.N. Subawa dan Tjokorda Gede Oka. (2018). "Penderita dengan Hemokromatosis Primer." Dlm. *Indonesian Journal of Clinical Pathology and Medical Laboratory 18(2)*. Pp. 141-144.
- Nasir Razali dan Azhar Wahid. (2020). "Idealisme dalam Naskhah "Sabda Sang Pendeta" Karya Ismail Kassan Berdasarkan Konsep Keadaman." Dlm. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, Volume, 8 (1), (2020)*. Pp. 42-55.
- Nasution, Ikhwanuddin. (2008). "Sistem dan kode semiotika dalam sastra: Suatu proses komunikasi". *Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastra Volume IV (2)*: 109-115.
- Said Hamad. (2007). *Pengobatan Penyakit dengan Terapi Air*. Jakarta: Aksara Qalbu.
- Setiyawan Gunardi. (2018). "Arak dan Minuman-Minuman yang Memabukkan Menurut Pandangan Ulama Empat Mazhab dan Fatwa." Dlm. *Malaysian Journal of Syariah and Law, Volume 7, June 2018*. Pp. 61-70.
- Siti Nadirah Hafidzin. (2018). "Antara kemurungan, mania." Dlm. *Berita Harian*, 10 Oktober 2018.
- Slameto. (2015). *Belajar dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Solehah Ishak. (1982). "Tahap drama kontemporari-Abstrak atau Absurd". Dlm Rahmah Bujang (pngr) *Drama Melayu 25 tahun*. hlm 64-81. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syajaratulhuda Mohd Rosli. (2023). "Masyarakat Islam perlu berhati-hati memilih makanan, minuman." Dlm. *Sinar Harian*, 11 September 2023.
- Syukriya Alvi Jauharotus dan Faridah Hayyun Durrotul. (2019). "Kajian Ilmiah dan Teknologi Sebab Larangan Suatu Makanan dalam Syariat Islam." Dlm. *Journal of Halal Product and Research Volume 2 Nombor 1, Mei 2019*. Pp. 43-50.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2022). *Kelebihan Air Zamzam dan Hadith Tentangnya*. Kuala Lumpur: maktabahalbakri.com.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2016). *Monopoli Barang: Hukum dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.